

Dekati pelajar IPT dalam aktiviti bersahur

SEREMBAN 7 Julai - Sebanyak 1,500 bungkus makanan akan diedarkan kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dalam program Ziarah Sahur IPT 2015, bermula pukul 12 tengah malam esok.

Eksekutif Jualan Utusan Melayu (M) Berhad cawangan Negeri Sembilan, Zulfadhli Sopian berkata, program itu adalah anjuran bersama akhbar *Utusan Malaysia*, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (Manis).

"Ini adalah kali kedua program ziarah sahur dianjurkan dengan pada tahun lalu bertempat di Seremban dan Port Dickson melibatkan edaran bungkusan makanan kepada agensi kerajaan dan orang awam.

"Tahun ini, kita memfokuskan kepada pelajar IPT dengan mengadakan program ramah mesra di lokasi dipilih, selain mengedarkan bungkusan makanan untuk bersahur serta mengadakan program keagamaan di lokasi penutupan majlis," katanya di sini hari ini.

Tambahnya, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan juga telah menyatakan persetujuan untuk melepaskan peserta konvoi Ziarah

Sahur IPT 2015 di kediaman rasmi beliau pada tarikh berkenaan.

"Kita mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar di atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan program ini. Sokongan itu dapat menyuntik semangat dalam kalangan pelajar IPT di negeri ini di mana Menteri Besar sentiasa mengambil tahu hal berkaitan pendidikan dan kebajikan pelajar terutamanya di Negeri Sembilan," ujarnya.

Sementara itu, dalam program yang berlangsung bermula awal pagi Khamis itu, konvoi ziarah sahur akan dibahagikan kepada dua kumpulan dengan kumpulan pertama akan singgah di Politeknik Port Dickson, Kolej UNITI (Port Dickson) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pedas, Rembau.

Konvoi kedua pula akan singgah di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seremban 3 sebelum ke Pusat Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai bagi persiapan bersama 58 pelajar anak Negeri Sembilan yang memasuki program Tamhidi USIM di situ.

"Kesemua peserta konvoi akan tiba di USIM pada pukul 4 pagi Khamis untuk bersama-sama da-

lam acara penutup, selain bersahur dengan pelajar dan solat Subuh bersama," katanya.

Konvoi ziarah sahur itu disertai 40 ahli Manis, selain ahli Parlimen Belia Negeri Sembilan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belia Negeri Sembilan, serta kakitangan MAINS, Utusan Melayu (M) Berhad, USIM dan UiTM.

Program itu turut mendapat sokongan Yayasan Negeri Sembilan dan Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) yang turut menaja 2,400 botol air minuman untuk diedarkan.

Sementara itu, Presiden Manis, Anwar Muttaqin berkata, penglibatan pertubuhan itu merupakan kerjasama kali pertama bersama program ziarah sahur.

"Sebanyak 40 orang mahasiswa anak Negeri Sembilan seluruh negara akan bersama-sama membantu melancarkan program ini yang mana kesemua mereka akan berlepas dari kediaman rasmi Mohamad.

"Kerjasama ini dilihat dapat menjalinkan hubungan strategik antara Manis bersama *Utusan Malaysia* sekali gus sebagai tanda sokongan terhadap akhbar tersebut," katanya ketika ditemui.



EKSEKUTIF Jualan Cawangan *Utusan Malaysia* Seremban, Shahri Harun (tiga dari kiri) bersama Anwar Muttaqin (tiga dari kanan) serta sebahagian ahli jawatankuasa Program Ziarah Sahur IPT 2015 ketika mengadakan persiapan program berkenaan di Pejabat Utusan Melayu (M) Bhd. di Seremban, semalam.